

**PENGURUSAN NIKAH, CERAI DAN RUJU' (NCR)
ORANG ISLAM NEGERI PULAU PINANG
DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
MULAI 18 MAC 2020 HINGGA TEMPOH PKP DITAMATKAN**

1. SAYA TELAH MENDAPAT SURAT KEBENARAN BERKAHWIN DAN BERCADANG UNTUK MELANGSUNGKAN AKAD NIKAH PADA 17 APRIL 2020 MEMANDANGKAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) TELAH DILANJUTKAN SEHINGGA 28 APRIL 2020, BOLEHKAH MAJLIS AKAD NIKAH ITU DILAKSANAKAN?

Tidak, selaras dengan arahan Kerajaan melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua urusan majlis akad nikah di Negeri Pulau Pinang hendaklah **DITANGGUHKAN** sehingga tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Keputusan ini diambil demi mengekang penularan Covid-19 dan untuk menjaga kemaslahatan diri pengantin, wali, jurunikah, saksi dan mereka yang terlibat dalam urusan tersebut.

2. BOLEHKAH SAYA BUAT RAYUAN UNTUK MENGADAKAN MAJLIS AKAD NIKAH DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)? SAYA TELAH MENDAPAT SURAT KEBENARAN BERNIKAH DAN TARIKH AKAD NIKAH YANG DIRANCANG ADALAH DI DALAM TEMPOH TERSEBUT?

Tidak, selaras dengan arahan Kerajaan bagi membendung penularan COVID-19, semua majlis akad nikah hendaklah dibuat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Sebarang rayuan untuk mengadakan majlis akad nikah dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tidak akan diterima demi menjaga masalah semua pihak yang terlibat.

3. SAYA AKAN BERNIKAH MENGGUNAKAN WALI HAKIM DAN TARIKH AKAD NIKAH YANG DIRANCANG ADALAH DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), SEMUA TEMPAHAN TELAH DIBUAT TERMASUK DEWAN BERSANDING, PAKEJ BERBULAN MADU DAN SEBAGAINYA. BOLEHKAH MAJLIS AKAD NIKAH TETAP DILAKSANAKAN PADA TARIKH TERSEBUT?

Tidak, sebarang urusan majlis akad nikah termasuk menggunakan Wali Hakim hendaklah dibuat selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Pemohon boleh merujuk kepada Pejabat Agama Daerah yang mengeluarkan Kebenaran Berkahwin tersebut selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.

4. ADAKAH PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN BOLEH DIURUSKAN SEPERTI BIASA OLEH JHEAIPP DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)? SAYA TELAH MEMBUAT PERMOHONAN SECARA *ONLINE* DAN SEKIRANYA DIBENARKAN, SAYA INGIN MENGHANTAR DOKUMEN-DOKUMEN SECARA *ONLINE* IAITU DENGAN CARA SCAN DAN E-MEL SAHAJA KEPADA PIHAK JHEAIPP.

Ya, urusan permohonan kebenaran berkahwin boleh dibuat secara *online* melalui laman sesawang <http://emunakahat.penang.gov.my>. Namun borang permohonan yang telah dicetak bersama dokumen-dokumen sokongan sebagaimana senarai semak boleh dikemukakan ke kaunter Pejabat Agama Daerah berkenaan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Permohonan Kebenaran Berkahwin dikira lengkap selepas pihak pemohon dikehendaki membuat bayaran RM 5.00 untuk proses tersebut di Pejabat Agama Daerah berkenaan. Pihak kami hanya menerima dokumen asal atau salinan secara *hardcopy*. Oleh itu, dokumen secara *softcopy* seperti melalui e-mel dan sebagainya tidak dibenarkan.

5. SAYA TELAH MELANGSUNGKAN AKAD NIKAH PADA 18 MAC 2020 IAITU DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), ADAKAH JHEAIPP DIBUKA? BAGAIMANA URUSAN PENGAMBILAN SIJIL PERAKUAN NIKAH SAYA BOLEH DIBUAT?

Tidak. JHEAIPP termasuk semua Pejabat Agama Daerah ditutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dijalankan. Di dalam situasi biasa, Sijil Perakuan Nikah akan disediakan dalam tempoh 6 hari bekerja selepas tarikh akad nikah dan dokumen pernikahan yang diterima oleh Penolong Pendaftar/ Pendaftar Kanan Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Negeri Pulau Pinang adalah lengkap. Walau bagaimanapun, pengantin disarankan menghubungi Pejabat Agama Daerah yang menguruskan pernikahan untuk mendapatkan maklum balas Surat Perakuan Nikah tersebut selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

6. SAYA TELAH MELANGSUNGKAN AKAD NIKAH PADA 22 MAC 2020 IAITU DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), OLEH ITU SAYA TELAH DIBERIKAN SURAT MAKLUMAN AKAD NIKAH OLEH PENOLONG PENDAFTAR/ PENDAFTAR KANAN PERKAHWINAN, PERCERAIAN DAN RUJU' ORANG ISLAM NEGERI PULAU PINANG SELEPAS MAJLIS TERSEBUT. PADA CATATAN SURAT MAKLUMAN AKAD NIKAH TERSEBUT DINYATAKAN “SURAT INI HENDAKLAH DIKEMUKAKAN KE PEJABAT AGAMA DAERAH SEBERANG PERAI UTARA (KEPALA BATAS) DALAM MASA 30 HARI DARI TARIKH IANYA DIKELUARKAN”. ADAKAH SURAT MAKLUMAN AKAD NIKAH BOLEH DIGUNAKAN SELEPAS TAMAT TEMPOH TERSEBUT KERANA PEJABAT AGAMA DAERAH BERKENAAN MASIH DITUTUP.

Ya, pihak pengantin boleh menggunakan Surat Makluman Akad Nikah tersebut sehingga tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa seterusnya menukar Surat Makluman Akad Nikah tersebut kepada Surat Perakuan Nikah yang hendaklah diperolehi di Pejabat Agama Daerah yang menguruskan majlis akad nikah tersebut. Pengantin disarankan menghubungi Pejabat Agama Daerah terlebih dahulu bagi mendapatkan maklumbalas tentang Surat Perakuan Nikah berkenaan.

7. SEKIRANYA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DITERUSKAN, ADAKAH MAJLIS AKAD NIKAH BOLEH DIJALANKAN DI RUMAH? ATAU MUNGKINKAH AKAD NIKAH SECARA *ONLINE* BOLEH DILAKUKAN?

Tidak, semua majlis akad nikah sama ada secara *online* seperti *video conference* atau secara tertutup di rumah dan sebagainya tidak boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Semua majlis akad nikah hendaklah dibuat selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

8. BOLEHKAH SAYA MENGAMBIL SURAT PERAKUAN NIKAH DI PEJABAT AGAMA DAERAH YANG MENGURUSKAN PERNIKAHAN SAYA LEWAT DARIPADA TARIKH YANG SEPATUTNYA?

Ya, Surat Perakuan Nikah boleh diperolehi selepas tarikh berakhir Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan tarikh yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Pihak yang berkenaan disarankan menghubungi Pejabat Agama Daerah berkaitan untuk urusan tersebut.

9. SEKIRANYA BAPA KANDUNG SAYA ENGGAN MENANDATANGANI BORANG PERMOHONAN SAYA UNTUK BERKAHWIN, APAKAH LANGKAH YANG SEPATUTNYA SAYA BUAT?

Sekiranya wali enggan untuk menjadi wali, puan hendaklah merujuk ke Pejabat Agama Daerah yang berkenaan. Semua urusan hendaklah dibuat selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan tarikh yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

10. SAYA TELAH MENDAPAT KEBENARAN UNTUK MELANGSUNGKAN AKAD NIKAH PADA 18 APRIL 2020 DI KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG TETAPI ATAS SEBAB TERTENTU, BOLEHKAH SAYA BUAT MAJLIS AKAD NIKAH ITU DI NEGERI LAIN?

Tidak, semua urusan majlis akad nikah di Negeri Pulau Pinang **DITANGGUHKAN** sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Sekiranya puan ingin menukar tempat berkahwin dari Negeri Pulau Pinang ke negeri lain, puan hendaklah hadir semula ke Pejabat Agama Daerah yang menguruskan permohonan kebenaran berkahwin selepas tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

11. SEORANG LELAKI WARGA MALAYSIA TELAH BERNIKAH DENGAN SEORANG WANITA WARGA INDONESIA YANG TELAH TAMAT TEMPOH PASPORTNYA, MEREKA DINIKAHKAN OLEH SEORANG YANG HANYA BERGELAR "USTAZ". MEREKA MEMBELAKANGI UNDANG-UNDANG ISLAM. WAJARKAH MEREKA BERNIKAH BEGITU DAN ADAKAH PERNIKAHAN ITU SAH?

Mana-mana pasangan yang berkahwin tanpa kebenaran mana-mana Jabatan Agama Islam di Malaysia hendaklah hadir ke Pejabat Agama Daerah tempat mereka bermastautin semasa berlaku akad nikah tersebut untuk membuat permohonan Perintah Pengesahan Pendaftaran Perkahwinan (4P). Pasangan hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah dan dokumen-dokumen lain yang ditetapkan dalam syarat permohonan 4P tersebut.

12. SEMASA MEMBUAT PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN, ADAKAH SIJIL KURSUS PRAPERKAHWINAN ISLAM PERLU DICAP? SAYA SUDAH ADA SIJIL KURSUS BERKENAAN TETAPI SAYA TELAH *LAMINATE*. PERLUKAH SAYA AMBIL SEMULA KURSUS BERKENAAN?

Ya, Sijil Kursus PraPerkahwinan Islam bagi pemohon lelaki atau perempuan akan dicap bagi menunjukkan sijil kursus tersebut telah digunakan. Bagi sijil kursus yang telah di*lamine*, kami akan memotong sebahagian dari sijil kursus tersebut. Pihak tuan/puan tidak perlu lagi mengikuti kursus yang baru.

13. JIKA SURAT KEBENARAN BERKAHWIN SAYA TELAH TAMAT TEMPOH (*EXPIRED*), ADAKAH SAYA PERLU JALANI PROSES PERMOHONAN SEMULA? BOLEHKAH SAYA GUNAKAN SURAT KEBENARAN SEDIA ADA DENGAN DIPINDA TARIKH AKAD NIKAH PADA BORANG SAHAJA ATAU BAGAIMANA?

Kebeneran Berkahwin yang telah tamat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini akan dilanjutkan 3 bulan bermula tarikh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Pelanggan hendaklah hadir semula ke Pejabat Agama Daerah berkenaan untuk membuat penyambungan tempoh sah Kebeneran Berkahwin selepas tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

14. SAYA DAN SUAMI ADA BERGADUH DI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP), SUAMI TELAH CAKAP KEPADA SAYA KALAU SAYA TIDAK IKUT KELUAR PERGI KE RUMAH SAUDARANYA JATUH TALAK KEMUDIAN KAMI BERTENGGAR LALU SUAMI SAYA KELUAR BERSAMA ANAK PERGI KE KEDAI TETAPI SAYA TIDAK IKUT SERTA ADAKAH DIKIRA JATUH TALAK ATAU TIDAK?

Perkara tersebut hendaklah dirujuk terus ke Mahkamah Rendah Syariah bagi menentukan status perkahwinan puan selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Pasangan tersebut dibenarkan tinggal bersama tetapi tidak boleh melakukan hubungan kelamin. Selain itu, pasangan berkenaan hendaklah *bermuasyarah*, *bermuamalah* atau menjaga tingkah laku/akhlak sebagai pasangan yang bercerai). Pasangan hendaklah menghubungi Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam di dalam kawasan untuk mendapatkan pandangan.

15. SAYA TELAH MELAFAZKAN CERAI KE ATAS ISTERI SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN BERHASRAT UNTUK RUJU' SEMULA. APA YANG HARUS SAYA LAKUKAN?

Pihak suami dan isteri perlu memastikan talak tersebut *talak raji'e* bukan *talak bain*, pasangan tidak boleh mengadakan hubungan kelamin kecuali setelah membuat lafaz ruju'. Contohnya "Saya ruju' isteri saya (nama isteri) kepada pernikahan yang lalu" dihadapan dua orang saksi lelaki. Pasangan hendaklah menghubungi Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam di dalam kawasan untuk mendapatkan pandangan serta menjelaskan lafaz cerai, bilangan cerai, keadaan diri isteri semasa cerai dilafazkan sama ada suci, haid, hamil juga baki tempoh *iddah*.

Selain itu, mengisi dan melengkapkan Borang Kenyataan Ruju' yang boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi JHEAIPP (Ruangan Info Sepanjang PKP, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam) (<http://jaipp.penang.gov.my>) atau e-Munakahat "Aplikasi nikah, cerai dan ruju' Pulau Pinang, Capaian Awam Atas Talian" (Ruangan Ruju') (<http://emunakahat.penang.gov.my>) Suami isteri hendaklah hadir ke Pejabat Agama Daerah (PAD) untuk mendaftar ruju' selepas tamat tempoh PKP bersama-sama Borang Kenyataan Ruju'.

MAKLUMAT PENTING :

- 1) Perintah Kawalan Pergerakan (Fasa I) 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020**
 - **Dibenarkan Majlis Akad Nikah di Negeri Pulau Pinang tetapi mengikut tatacara Majlis Akad Nikah yang telah ditetapkan.**

- 2) Perintah Kawalan Pergerakan (Fasa II) 1 April 2020 hingga 14 April 2020**
Perintah Kawalan Pergerakan (Fasa III) 15 April 2020 hingga 28 April 2020
Perintah Kawalan Pergerakan sehingga tamat atau mengikut apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
 - **Tidak dibenarkan Majlis Akad Nikah di Negeri Pulau Pinang.**

Unit Pendaftaran Dan Rekod NCR, Bah,Undang-undang Keluarga Islam, JHEAIPP.